

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 2015**

#### **DASAR KHAS PEMBERIANMILIK TANAH SECARA BERANCANG KEPADA ORANG ASLI**

-----

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 11/2014 yang bersidang pada 11 Jun 2014 melalui Kertas Bil.11/2014/D 25(143) telah menetapkan Dasar Khas Pemberianmilik Tanah Secara Berancang Kepada Orang Asli seperti berikut:-

#### **1. PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA ORANG ASLI.**

- 1.1 Menerima pakai dasar perizapan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan mewartakan segera perizapan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 untuk kegunaan Awam (Khas Untuk Pembangunan Masyarakat Orang Asli) di bawah kawalan Setiausaha KerajaanNegeri bagi semua kawasan-kawasan yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri.
- 1.2. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menimbangkan untuk diberi pajakan kepada mereka yang layak dibawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965.
- 1.3. Pegawai Pengawal boleh membenarkan pajakan sebahagian atau keseluruhan tanah rizab tersebut kepada mana-mana orang atau badan dan pada masa yang sama menetapkan apa-apa syarat yang difikirkan patut semasa menimbangkan kelulusan pajakan tersebut.

- 1.4. Tempoh pajakan tidak melebihi 21 tahun dan Orang Asli yang dipertimbangkan pajakan, akan diberikan suratan Pajakan Tanah Rizab dibawah Kanun Tanah Negara 1965 (Borang 4E) sebagai ketandaan hak eksklusif penggunaan tanah tersebut.
- 1.5. Susunatur kategori dan keluasan tanah bolehlah menggunapakai kaedah yang telah sedia ada dalam Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bilangan 6 Tahun 1989 iaitu dipecah bahagikan kepada tapak perumahan dan pertanian kepada setiap keluarga Orang Asli yang layak mengikut keluasan berikut:-
  - a) Tidak lebih (1/2 ) ekar untuk tapak perumahan.
  - b) Tidak lebih 6 ekar untuk aktiviti pertanian.
- 1.6. Selepas tamat tempoh 21 tahun dan telah terbukti menetap dan mengusahakan tanah tersebut, maka mereka boleh dipertimbangkan untuk pemberianmilik tanah secara pajakan untuk tempoh 66 tahun.
- 1.7. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan cukai pajakan yang nominal dan dicadangkan dibayar oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) .
- 1.8. Segala kos pewartaan, penyukatan lot-lot dan semua kerja-kerja berkaitan dengan nya hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
- 1.9. Selepas tamat tempoh pajakan (atau pada satu tempoh tidak kurang 15 tahun yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri) dan Orang Asli tersebut sudah mampu untuk mengurustadbirkan sendiri harta tanah mereka dan apabila Pihak Berkuasa Negeri berpuashati, Pihak Berkuasa Negeri bolehlah menimbang untuk diberimilik menurut Seksyen 76

Kanun Tanah Negara 1965 dan syarat-syarat pemberianmilikan adalah sebagaimana **di lampiran 'A'** berkembar.

## 2.. KAEDAH PEMBANGUNAN TANAH ORANG ASLI.

2.1. Pembangunan kemajuan tanah Orang Asli masih dianggap tidak berdaya maju untuk bersaing dan menjamin kebajikan ekonomi dan peningkatan taraf hidup mereka.Oleh itu, pemajuan dan pembangunan tanah mereka melalui dua (2) kaedah iaitu :-

a. Diusahakan sendiri oleh Orang Asli dan keluarga dengan bantuan kewangan dan input daripada jabatan-jabatan kerkenaan ;

atau

b. Dibangunkan secara usahasama/perkongsian dengan mana-mana orang atau pemaju/syarikat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri(PBN). Melalui kaedah ini, PBN akan menetapkan asas-asas rujukan dan setelah dipersetujui, suatu perjanjian akan dimeteraikan antara tiga(3) parti iaitu; Jabatan Kemajuan Orang Asli (agensi yang mewakili orang asli/Orang Asli sendiri, orang atau pemaju/syarikat dan pihak Kerajaan Negeri. Terma-terma perjanjian hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri sebelum boleh ditandatangani.

2.2. Pembangunan tanah Orang Asli akan diawasi dan dikawalselia oleh satu jawatankuasa dengan keanggotaan seperti berikut:-


- i. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan (Pengerusi)
- ii. YB.Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tanah dan Pembangunan Wilayah.  
( Timbalan Pengerusi)
- iii. YABrs. Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan

- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan(Pembangunan)/Pengarah UPEN.  
(Setiausaha).
- v. YABrs.Ketua Jajahan Gua Musang/ dan atau berkaitan
- vi. YABrs.Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan
- vii. YABrs.Pengarah Pertanian Negeri Kelantan
- viii. Dua (2) anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri
- ix. Mana-mana jabatan yang boleh dijemput mengikut kes.

**Urusetia**

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Tersebut.



.....  
**DATO' HAJJ NAZRAN BIN MUHAMMAD**, DPSK (Kelantan)  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**

**KEPADA:**

Yang Amat Berbahagia/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Pelaburan Dan Kewangan.
4. YB.Dato'Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
5. YB.Dato'Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YB.Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
7. YM.Dato'Tengku Kaya Perkasa  
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
8. YABrs.Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan
9. YABrs.Pengarah Pertanian Negeri Kelantan
10. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.3(20)  
BERTARIKH : 19 RABIULAKHIR 1436  
09 Februari 2015

LAMPIRAN 'A'

**Dasar Khas Pemberianmilik Tanah Secara Berancang Kepada Orang Asli.**

1. Syarat – Syarat Pemberianmilik :

a) Bagi Tapak Rumah

- |      |                        |   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|------------------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i)   | Jenis Hakmilik         | : | Pajakan Negeri                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| ii)  | Tempoh Pajakan         | : | 66 tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| iii) | Premium :              | : | Mengikut Kaedah Tanah Kelantan 1966 ( Pindaan) 1992.                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| iv)  | Jenis Kegunaan         | : | Bangunan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| v)   | Syarat Nyata           | : | Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan bangunan daripada pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa tempatan.                                                                                                                                                                                             |
| vi)  | Sekatan Hakmilik       | : | <div style="margin-left: 20px;">a) Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang urusaniaga tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.</div> <div style="margin-left: 20px;">b) Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hanya boleh dipindahmilik kepada waris terdekat dengan syarat mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.</div> |
| vii) | Cukai tanah, Upah Ukur | : | Mengikut kadar terjadual dalam                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

dan belanja pejabat

Peraturan Tanah Kelantan  
1966 dan Perintah Kanun  
Tanah Negara (bayaran ukur)  
1965 dan P.U (A) 438/75.

b) Bagi Tanah Pertanian

- |      |                                               |   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|-----------------------------------------------|---|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i)   | Jenis Hakmilik                                | : | Pajakan Negeri                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| ii)  | Tempoh Pajak                                  | : | 66 tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| iii) | Premium Tanah                                 | : | Mengikut Kaedah Tanah<br>Kelantan 1966 ( Pindaan) 1992.                                                                                                                                                                                                                                                          |
| iv)  | Jenis Kegunaan                                | : | Pertanian                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| v)   | Syarat Nyata                                  | : | Getah / Kelapa Sawit / Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| vi)  | Sekatan Hakmilik                              | : | a) Tanah yang terkandung<br>dalam hakmilik ini tidak boleh<br>dibuat sebarang urusan niaga<br>tanpa kelulusan Pihak<br>Berkuasa Negeri.<br><br>b) Tanah yang terkandung<br>dalam hakmilik ini hanya boleh<br>dipindahmilik kepada waris<br>terdekat dengan syarat<br>mendapat kebenaran Pihak<br>Berkuasa Negeri |
| vii) | Cukai tanah, Upah Ukur<br>dan belanja pejabat | : | Mengikut kadar terjadual dalam<br>Peraturan Tanah Kelantan<br>1966 dan Perintah Kanun<br>Tanah Negara (bayaran ukur)<br>1965 dan P.U (A) 438/75.                                                                                                                                                                 |